



Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.12 Mac 2009/Rabiulawal 1430H

ISSN 1675-1876 Raskuhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DIGITAL



Pelancaran Projek Puncak Baru Kg. Bharu

Kg. Bharu yang terletak di tengah-tengah kota raya Kuala Lumpur merupakan sebuah penempatan Melayu yang mempunyai kepelbagaian sejarah dan warisan tersendiri. Kini sudah tiba masanya Kg. Bharu untuk turut serta dalam gelombang pembangunan dan permodenan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Pada 30 Mac 2009 lalu satu pelancaran projek pembangunan semula di atas tapak pasar minggu iaitu Puncak Baru telah disempurnakan perasmianya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, Timbalan Menteri, Datuk M.Saravanan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail dan pemimpin-pemimpin setempat di kawasan Parlimen Titiwangsa.

Pembangunan Puncak Baru di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berkeluasan 2.8 hektar ini merupakan sebuah projek pembangunan bercampur (mixed development) dan terdiri daripada lima komponen utama iaitu sebuah menara kondominium setinggi

60 tingkat, 40 tingkat unit pejabat, tiga tingkat ruang membeli-belah dan perniagaan serta pembangunan integrasi Stesen LRT Kg. Bharu dan ruang perniagaan atau Bazaar.

DBKL berharap pelaksanaan projek ini akan menjadi pencetus dan pemangkin kepada pembangunan Kg. Bharu sekaligus memberi suntikan semangat kepada semua pihak untuk kepentingan masa depan.



Dari Meja Datuk Bandar



Dalam merealisasikan wawasan bandar bertaraf dunia menjelang 2020, setiap warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) haruslah mempertingkatkan kualiti dalam diri khususnya keupayaan dan kebolehan masing-masing. Justeru adalah menjadi hasrat DBKL untuk memperolehi persijilan MS ISO 9001:2008 bagi perkhidmatan yang diberikannya kepada warga kota menjelang Oktober 2009.

Namun untuk mencapai taraf tersebut, banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh semua lapisan warga kerja DBKL. Antara cabaran yang besar adalah untuk menukar cara bekerja daripada hanya menjalankan tugas-tugas rutin kepada peranan yang lebih besar, iaitu sebagai pekerja berilmu yang sentiasa kreatif dan inovatif. Selain daripada itu, situasi atau sinerio masa depan yang tidak menentu juga merupakan cabaran utama dalam mengekalkan tadbir urus yang baik. Suasana dan kehendak pelanggan yang sentiasa berubah-ubah di samping tekanan akibat persaingan terutamanya di peringkat antarabangsa akan lebih mencabar. Untuk itu, daya saing negara juga perlu dipertingkatkan melalui usaha-usaha meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti yang merupakan ciri-ciri utama bagi tadbir urus yang baik.

Maka sebuah organisasi seperti DBKL bukan sekadar memerlukan pekerja cekap dan berpengetahuan malah sebagai penjawat awam yang cemerlang mereka seharusnya mempunyai kewibawaan dan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam setiap urusan. Usaha berterusan amat diperlukan bagi memupuk nilai-nilai murni dalam memastikan tahap integriti yang tinggi bagi perkhidmatan dan pegawai sentiasa dijaga.

Diharapkan usaha-usaha bagi mencapai standard kualiti dalam perkhidmatan yang dihasratkan tersebut akan memberi tolak kepada pencapaian wawasan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia pada tahun 2020.



*From the
Mayor's Desk*

The quality and capacity of the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) must be rigorously improved, even at the individual staff level, if Kuala Lumpur is to realise her vision of being a world class city by 2020. In efforts to realise this dream, DBKL has set its sights on obtaining the MS ISO 9001:2008 certification for services provided to the Kuala Lumpur population by October 2009.

Nonetheless, in its quest to achieve this coveted high standards, immense obstacles await the DBKL. One of the main hurdles is changing the attitudes of its workforce from seeing their role as merely fulfilling routine tasks to being bigger players within the organisation; i.e. those who are consistently pushing the envelope by being creative and innovative. Another obvious challenge is maintaining good corporate governance in light of uncertainties the future holds. The ever changing climate and customers' needs, as well as steep competition, particularly at the international level pose as immense stumbling blocks in the future. To overcome these foreseeable glitches, our country must strive to be more competitive by practicing excellent corporate governance, through greater transparency, accountability and integrity.

To achieve this end, an organisation such as DBKL not only requires efficient and knowledgeable workforce, but also those who are adept with a high level of integrity in all their dealings. Continuous efforts are required to inculcate noble values among the officers to ensure that integrity is preserved and upheld at all times.

It is hoped that efforts to achieve this high quality standards in its services will be the catalyst that will propel Kuala Lumpur forward in realising her dream to become a world class city in the year 2020.



The Launch of Kg Bharu's Puncak Baru Project

Kg. Bharu is located right in the centre of the city of Kuala Lumpur. It is a major settlement area of the Malays and is rich with diverse history and heritage. It is now time for Kg Bharu to be part of the wave of development and modernisation which has swept across this metropolitan city.

To mark this change, on 30th March 2009, a redevelopment project proposed on the current weekly market site called the Puncak Baru was launched by the Prime Minister of Malaysia at the time, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. The Federal Territory Minister, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, his deputy, Datuk M.Saravanan, the Mayor of Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail and local heads were also present at the Titiwangsa Parliamentary constituency to celebrate this occasion.

The Puncak Baru Development with an area of 2.6 hectares, is located on the land owned by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). It will be developed into a mixed development

comprising four main components, namely, a 60 storey condominium tower, a 40 storey office units, three stories of shopping and business space as well as an integrated development of the Kg. Bharu LRT station and business area or Bazaar.

DBKL hopes that the implementation of the project will propel and catalyse the development of Kg. Bharu and along with it inspire all parties for everyone's future benefit.



Sidang Redaksi

Penasihat	: Y.Bhg Dato' Ahmad Fuad bin Ismail
Ketua Editor	: Bhg Datuk Hj Saleh bin Yusop
Editor	: Anwar bin Mohd Zain
Sub-Editor	: Nor Iz Hoyza binti Md Zam
Pemb. Editor	: Amy Lezrin binti Hanafiah Wan Norazah binti Wan Md Nor
Jurufoto	: Mubarok b. Atap Abd Rhani bin Md Shohor Md Ismail bin Isnin



Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada :

Sidang Redaksi Berita Bandaraya
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Tel. : 03-26179803 Faks : 03-26980460
Emel : penerbitan@dbkl.gov.my